



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

BEBERAPA ISU LUPA SEWAKTU BERPUASA RAMADHAN

(Bilangan 291)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Puasa Ramadhan merupakan satu tuntutan fardhu 'ain yang wajib dikerjakan oleh setiap orang Islam yang mukallaf. Mengerjakan ibadah puasa itu, sudah setentunya kita berusaha dan mengharap agar ia terlaksana dengan sebaik-baiknya.

Walau bagaimanapun, disebabkan ada kelemahan-kelemahan tertentu sesuai dengan sifat semula jadi manusia, kita mempunyai keterbatasan untuk memastikan apa yang dilakukan itu benar-benar terpelihara daripada perkara-perkara yang boleh menjejaskan ataupun mempengaruhi kesempurnaan ibadah yang dikerjakan.

Umpamanya sifat lupa, ia boleh menyebabkan tertinggal pada melakukan perkara-perkara yang disuruh, dan ia juga boleh mengakibatkan terlanjur pada berbuat perkara-perkara yang dilarang.

Lupa di sisi syariat Islam, walaupun pada dasarnya merupakan suatu keuzuran yang dapat mengecualikan seseorang itu daripada dosa, tetapi ia bukan bererti seseorang itu terlepas daripada *taklif* atau tanggungan sama sekali. Ini kerana ada tanggungjawab ataupun gantian lain yang masih perlu dilakukan semasa di dunia.

Khusus dalam ibadah puasa, ada keadaan lupa yang dimaafkan dan ada juga yang menyebabkan puasa itu tidak sah dan perlu diqadha. Antaranya ialah:

(1) Niat Puasa

Niat adalah salah satu rukun puasa. Ia wajib dilakukan pada setiap malam bulan Ramadhan, iaitu setelah terbenam matahari sehingga sebelum terbit fajar *Shadiq*.

Jika seseorang itu terlupa untuk berniat puasa pada waktu tersebut, maka puasanya tidak sah. Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: “*Barangsiapa yang tidak berniat puasa sebelum terbit fajar shadiq maka tidak ada puasa baginya.*”

(Hadits riwayat an-Nasa’ie)

Jika seseorang itu lupa berniat puasa untuk keesokan harinya, maka wajib ke atasnya *imsak* iaitu menahan diri daripada makan, minum dan lain-lain perkara yang membatalkan puasa serta wajib ke atasnya mengqadha puasa tersebut.

Dalam hal ini, di samping kita diwajibkan berniat puasa pada tiap-tiap hari, kita digalakkan juga berniat puasa untuk satu bulan penuh di awal bulan Ramadhan. Ini bertujuan untuk berjaga-jaga, kalau-kalau kita terlupa berniat pada malam-malam berikutnya dengan bertaqlid kepada mazhab Imam Malik. Contoh lafaz niat satu bulan penuh itu ialah:

Ertinya: “*Sahaja aku puasa bulan Ramadhan seluruhnya pada tahun ini kerana Allah Ta‘ala.*”

Berniat satu bulan penuh hendaklah dilakukan pada malam pertama puasa sahaja. Tidak dikira niat sebulan penuh itu jika ia dilakukan pada malam berikutnya seperti berniat pada hari kedua puasa.

(2) Makan Atau Minum

Batal puasa apabila seseorang itu makan atau minum dengan senghaja di siang hari puasa. Wajib ke atasnya *imsak* di hari tersebut dan mengqadhanya.

Adapun jika makan atau minum (sama ada banyak atau sedikit) disebabkan lupa adalah tidak membatalkan puasa. Perkara ini disebut oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabdanya:

()

Maksudnya: “Sesiapa yang lupa lalu dia makan atau minum sedang dia berpuasa, maka sempurnakanlah puasanya. Sesungguhnya Allah telah memberikannya makan dan minum.”

(Hadits riwayat Muslim)

(3) Bersetubuh

Orang yang berpuasa jika dia melakukan persetubuhan di siang hari bulan Ramadhan dengan senghaja adalah berdosa. Di samping wajib ke atasnya mengqadha puasa tersebut, wajib juga ke atasnya membayar *kaffarah* dengan mengikut tertibnya iaitu: membebaskan hamba yang mukmin, jika tiada diperolehinya maka berpuasa dua bulan berturut-turut, dan jika tiada terdaya olehnya maka memberi makan 60 orang miskin atau fakir.

Adapun jika seseorang yang berpuasa itu bersetubuh di siang hari bulan Ramadhan disebabkan lupa, maka puasanya tidak batal. Ini sama halnya dengan makan atau minum disebabkan lupa. Demikian juga, tidak wajib ke atasnya membayar *kaffarah* disebabkan lupa itu.

Oleh itu, kita hendaklah berwaspada dan sentiasa berhati-hati khususnya dalam perkara niat puasa, agar tidak terlupa untuk berniat di malam hari. Ini kerana lupa untuk berniat puasa Ramadhan akan menyebabkan puasa tidak sah dan wajib diqadha.

Semoga penjelasan yang telah dihuraikan ini akan menjadi panduan kepada kita agar mencapai kesempurnaan puasa.